

## (A) FAEDAH MUDAH

- ❖ Faedah mudah ialah wang tambahan yang diperoleh atas simpanan wang di bank dalam tempoh tertentu.

- ❖ Formula faedah mudah = Peratus faedah  $\times$  wang yang disimpan  $\times$  tempoh

Contoh :

Fauzi menyimpan wang sebanyak RM3 000 di dalam sebuah bank yang menawarkan faedah sebanyak 5% setahun. Hitung faedah yang diperolehinya selepas setahun.

Penyelesaian :

$$\begin{aligned}\text{Faedah} &= 5\% \times \text{RM3 000} \times 1 \text{ tahun} \\ &= \text{RM150}\end{aligned}$$

## (B) FAEDAH KOMPAUN

- ❖ Faedah kompaun ialah faedah yang diterima daripada wang yang disimpan dan faedah **terkumpul** pada setiap tahun.

## (C) KOMISYEN

- ❖ Komisyen ialah wang upah yang diterima oleh seseorang ejen ke atas jualan yang dibuat olehnya.
- ❖ Komisyen = Jumlah nilai jualan  $\times$  peratus komisyen

## (D) DIVIDEN

- ❖ Dividen ialah keuntungan yang dipulangkan kepada pemegang saham dalam sesebuah syarikat.
- ❖ Dividen = Peratus dividen  $\times$  Pelaburan

## (E) CUKAI PERKHIDMATAN

- ❖ Cukai perkhidmatan ialah cukai yang perlu dibayar ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan tertentu seperti di hotel dan restoran makanan segera.

(F) PENYELESAIAN MASALAH MELIBATKAN HARGA JUAL, HARGA KOS, UNTUNG DAN RUGI.

|                               |                                                                                                                                                                                                         |
|-------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| HARGA KOS / HARGA BELI        | <p>♦ Harga barang yang diperoleh peniaga sebelum jual.</p> $\text{Harga kos} = \text{Harga jual} - \text{Untung}$                                                                                       |
| HARGA JUAL                    | <p>♦ Harga sesuatu barang yang dijual kepada pembeli.</p> $\text{Harga Jual} = \text{Harga Kos} + \text{Untung}$                                                                                        |
| KEUNTUNGAN<br>*Peratus Untung | <p>♦ Harga jual lebih tinggi daripada harga kos</p> $\text{Untung} = \text{Harga Jual} - \text{Harga Kos}$ <p>♦</p> $\text{Peratus untung} = \frac{\text{Nilai Untung}}{\text{Harga Kos}} \times 100\%$ |
| KERUGIAN<br>*Peratus Rugi     | <p>♦ Harga kos lebih tinggi daripada harga jual</p> $\text{Rugi} = \text{Harga Kos} - \text{Harga Jual}$ <p>♦</p> $\text{Peratus rugi} = \frac{\text{Nilai Rugi}}{\text{Harga Kos}} \times 100\%$       |

